

29 JUN 2003

Abdullah-Rasuah (Bergambar)

RASUAH PERLU DIHAPUSKAN, KATA ABDULLAH

ALOR GAJAH, 29 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata perbuatan rasuah di kalangan rakyat di negara ini terutama orang Melayu tidak boleh dibiarkan dan seharusnya dihapuskan.

"Kita tak boleh biarkannya membiak, kita perlu membendung dan hapuskannya," kata Timbalan Perdana Menteri selepas menghadiri sambutan Hari Keluarga Pejabat Timbalan Perdana Menteri di A'Famosa Resort di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas peringatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada rakyat di negara ini terutama orang Melayu akan bahaya mengamalkan rasuah kerana jika tidak berwaspada, negara mungkin jatuh ke tangan perasuah paling teruk.

Ketika berucap pada majlis anugerah Pingat Intergriti Negara, Transparency International Malaysia di Kuala Lumpur semalam, Perdana Menteri berkata amalan buruk itu sepatutnya dihindari bagaikan racun, tetapi malangnya masih ramai rakyat termasuk orang Melayu melihat rasuah sebagai jalan mudah untuk meraih kekayaan.

Ditanya mengenai laporan pembabitian kakitangan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam rasuah, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata: "KDN belum terima aduan, kalau ada melalui Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan polis, siasatan kenalah dilakukan."

Ditanya mengenai kira-kira 20 buah projek pembinaan rumah dan balai polis yang terbengkalai di seluruh negara, beliau berkata perkara itu akan diatasi.

"Kita akan menyiapkan projek-projek yang terbengkalai itu. Manakala (projek) yang belum dibina, akan dibuat secara terus melalui tawaran tender," katanya.

Mengenai isu pembinaan tempat menyimpan abu mayat (columbarium) di Pulau Pinang, beliau berkata Kerajaan Negeri perlu menyelesaikan masalah itu dan jika perlu, Kerajaan Negeri harus memberi penerangan kepada penduduk negeri terhadap hal itu.

"Kita tak mahu masalah ini berlarutan dan ditentang oleh mana-mana kumpulan. Kadangkala kita kena bertindak tegas dan maklumat yang diberikan itu kenalah tepat dan mudah diterima," katanya.

Semalam, Persatuan Penganut Buddha Malaysia (MBA) telah meminta pemaju projek kontroversi itu di George Town supaya berhenti daripada menyalahgunakan agama Buddha bagi tujuan komersil.

Setiausaha MBA Lim Tien Phong berkata persatuan itu yang mewakili lebih 700 pertubuhan Buddha di seluruh negara membantah sekeras-kerasnya tindakan pemaju menampilkan projek komersil itu sebagai Institusi Buddha.

Abdullah juga menjelaskan mengenai jumlah 23,000 anggota polis yang akan diambil secara berperingkat-peringkat adalah untuk jangka masa lima tahun dan bukannya dua tahun seperti yang dilaporkan oleh media, semalam.

"Yang kita rancang untuk ambil 23,000 anggota, 4,000 yang diberi kebenaran untuk diambil dalam masa dua tahun, yang lebih dari itu akan diambil dalam jangka masa yang diperlukan iaitu dalam tempoh lima tahun," katanya.

Ditanya mengenai pembentukan jawatankuasa penaja Umno di 25 bahagian baru berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya, Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata perkara itu belum lagi diputuskan.

Mengenai kriteria yang ditetapkan untuk menjadi jawatankuasa penaja di bahagian yang baru itu, beliau berkata: "Perkara itu akan ditentukan apabila

kita (Jawatankuasa Pengurusan Umno) bermesyuarat. Barulah kita buat ketetapan dan tentukan kriterianya."

-- BERNAMA

SBS MYD PR